

## NEWS CLIPPING – PRESS

CLIENT:	DSA EXHIBITION AND CONFERENCE		
PUBLICATION:	WP.NEWS365.MY	SECTION:	BERITA
DATE:	WEDNESDAY, 2 NOVEMBER 2016	PAGE NO.:	1 OF 1
CIRCULATION:	ONLINE	FREQUENCY:	ONLINE
HEADLINE:	PAVILION MALAYSIA DIBUKA DI INDO DEFENCE 2016		



365 NEWS • 新闻 • BERITA

## PAVILION MALAYSIA DIBUKA DI INDO DEFENCE 2016

news365 | November 2, 2016 | Malay, Terkini | No Comments

Kementerian Pertahanan dalam satu kenyataan di sini berkata, Indo Defence 2016 yang diadakan setiap dua tahun merupakan salah satu pameran pertahanan bagi mempamerkan peralatan dan teknologi terkini daripada pemain industri pertahanan antarabangsa.

Katanya, pameran berkenaan juga adalah ruang terbaik bagi syarikat-syarikat Malaysia dalam membekalkan komponen; perkhidmatan penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) serta pembinaan kapasiti dan latihan.

Ini kerana menurut kenyataan berkenaan, pasaran pertahanan Indonesia dijangka mencecah AS\$17.8 bilion (RM74.57 bilion) pada tahun 2019 berbanding hanya AS\$8 bilion (RM33.52 bilion) kini.

"Penyertaan Malaysia melalui Bahagian Industri Pertahanan yang juga selaku Urus Setia Induk Majlis Industri Pertahanan, Penguatkuasaan dan Keselamatan Malaysia (MIDES) merupakan kali ketiga sejak tahun 2012.

"Kita turut membuka Pavilion Malaysia dengan mengadakan pelbagai acara termasuk perbincangan yang menekankan peluang dan cabaran serta strategi kemasukan kepada syarikat-syarikat industri pertahanan Malaysia," kata kenyataan tersebut di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Panglima Tentera Laut, Laksamana Madya Datuk Anuwi Hassan dan Timbalan Panglima Tentera Udara, Lettenan Jeneral Datuk Seri Affendi Buang.

"Majlis berkenaan juga menyaksikan pelantikan rasmi tiga kontraktor bagi Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) kali ke-18 yang akan berlangsung pada 2018 nanti.

"DSA'18 yang merupakan anjuran bersama Kementerian Pertahanan Malaysia bersama syarikat DSA Exhibition & Conference Sdn. Bhd. adalah antara pameran pertahanan dan keselamatan antarabangsa yang diiktiraf sebagai terbaik di dunia," kata kenyataan itu. – UTUSAN ONLINE

(Utusan Online)